

OBJEKTIF SYARIAH DALAM PEMBERIAN MAHAR

The Sharia Objective of Giving Mahr

Hasbi Hj Muh. Ali *
Raihanah Hj Azahari **

ABSTRACT

Mahr is money or property which the wife is entitled to receive from the husband upon marriage. Islam not only has changed the system of mahr applied in the pre-Islamic time, but also has shown the importance and advantages of mahr in marriage institution. In Islam, mahr does not represent the price of a woman, but mahr is given as a form of recognition and dignity to the women who will be married to a man. However, mahr is still viewed as a payment to have a sexual relationship with a woman. This narrowed view not only lowers the status of women in marriage, but also gives negative understanding on the objective of mahr, as in pre-Islamic traditions it was seen as a gift to legalise sexual relationship. Therefore, this study was conducted to discuss the position of mahr in Islam, the objective of the mahr and the importance of mahr to women. Library research was the primary

* Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dehearty_10@yahoo.com

** Prof. Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, raihan@um.edu.my

method of data collection, while deductive method was used in data analysis. This study shows that the objectives of mahr are to give property rights to women to represent the dignity of women and to provide socioeconomic protection to women.

Keywords: *Mahr, Maqāṣid al-Sharī‘ah, Objective of Mahr, Property Right*

LATAR BELAKANG PEMBERIAN MAHAR

Mahar adalah bayaran perkahwinan yang berasal daripada amalan masyarakat Jahiliyyah.¹ Dalam amalan masyarakat Jahiliyyah, mahar adalah syarat sah perkahwinan. Ini kerana, setelah mahar diberikan barulah perkahwinan sah dari segi undang-undang.² Pada ketika itu, wali iaitu ayah atau datuk, adik beradik lelaki atau saudara mara yang menjaga wanita menganggap mahar adalah hak mereka sebagai imbalan atas menjaga dan membesarluwan wanita tersebut. Ini kerana, apabila wanita tersebut dikahwinkan, mahar yang diberikan oleh pengantin lelaki akan menjadi milik wali atau penjaga sepenuhnya. Secara tidak langsung, mahar digambarkan sebagai bayaran pembelian wanita.³

Konsep mahar yang diamalkan juga dilihat menindas hak-hak wanita dan tidak dapat melindungi wanita dalam rumah tangga. Ini kerana, suami juga berhak menuntut kembali mahar yang telah diberikan sama ada keseluruhan atau sebahagiannya dengan bertindak kasar supaya isterinya akan meminta cerai daripadanya.⁴

¹ Rakesh Kumar, “Law of Dower (Mahr) In India”, *Journal of Islamic Law and Culture* 12, No.1 (2010): 58. Lihat juga, Yossef Rapoport, “Matrimonial Gifts In Early Islamic Egypt”, *Islamic Law and Society* 7 (2000): 1-2.

² Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya Dalam Penentuan Kadar Mahar,” dlm. *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Mohd Salleh Haji Md @ Haji Ahmad et al., (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 316.

³ Murtada Mutahhari, *The Rights of Women in Islam* (Tehran: World Organization For Islamic Services, 1980), 204.

⁴ Murtada, *The Rights of Women*, 207.

Kesan daripada perceraian itu, isteri haruslah memulangkan kembali mahar tersebut seperti mana yang dikehendaki suami.⁵ Masyarakat jahiliyah juga mengamalkan budaya perwarisan isteri. Sekiranya suaminya meninggal, anak isteri yang lain atau saudara-mara lelaki kepada suami menganggap bahawa hak atas perkahwinan tersebut masih terus berlaku. Justeru, mereka berhak untuk mengahwinkan wanita tersebut dengan siapa saja yang dikehendakinya dan mengambil mahar daripada perkawinan itu. Pensyariatan mahar dalam al-Quran bukan sahaja telah merubah konsep⁶ mahar yang sebelum ini tidak telus dan menindas hak wanita, bahkan menunjukkan syariat Islam mempunyai sistem mahar yang tersendiri berasaskan prinsip keadilan dan maslahah. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

وَلَا تَعْصِمُوهُنَّ لِتَدْهِبُوا بِعَضٍ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ

Terjemahan: *Dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya.*

Al -Nisā' (4) : 19

MAHAR DAN PENSYARIATANNYA DALAM AL-QURAN

Mahar merupakan pemberian wajib berupa harta atau manfaat daripada seorang suami kepada isteri sama ada dengan sebab

⁵ Murtada, *The Rights of Women*, 207.

⁶ Cyril Glassé dan Huston Smith, *The New Encyclopedia of Islam* (Walnut Creek, CA: AltaMira Press, 2001), 281.

akad pernikahan⁷ atau persetubuhan.⁸ Mahar juga digambarkan dalam al-Quran sebagai *ṣadūq*,⁹ *nīḥlah*,¹⁰ *fariḍah*,¹¹ *hibā*' dan *ajr*.¹² Namun, semua istilah tersebut membawa maksud dan pengertian yang hampir sama.¹³ Simbol kejujuran, tanda persetujuan dan pemberian wajib yang tidak mengharapkan imbalan dan balasan merupakan antara rangkuman nilai di sebalik pengertian mahar.

Pensyariatan mahar dalam al-Quran telah merubah adat kebiasaan zaman pra-Islam dalam amalan mahar sekali gus mengangkat status wanita yang sebelumnya sering dipandang rendah¹⁴ dalam masyarakat dengan menerapkan sistem yang adil, mudah dan dibina atas persetujuan dan keredhaan bersama. Mahar bukanlah bayaran atas pemerdagangan wanita,¹⁵ sebaliknya satu pemberian yang bertujuan melindungi wanita.¹⁶ Segala hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT tentunya mempunyai *maqāṣid* (objektif) di sebalik pensyariatannya.¹⁷ Di samping

⁷ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 7 : 49.

⁸ Mahar diwajibkan dengan sebab berlakunya *dukhūl* iaitu persetubuhan secara hakiki dan termasuklah persetubuhan secara *shubhah* daripada nikah yang *fāsid*. Lihat Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr 1989), 7 : 252. Sekiranya telah terjadi persetubuhan antara suami dan isteri, maka suami wajib memberikan mahar sebagai satu kewajipan kerana kewajipan pemberian mahar dinaskin dalam al-Quran. Justeru, tidak ada sebab untuk mengingkarinya. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad Ibnu Ḥaḍramawī, *al-Mabsūt* (Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 1978), 64.

⁹ Lihat *al-Nisā'* (4) : 4.

¹⁰ *Al-Nisā'* (4) : 4.

¹¹ Lihat *al-Baqarah* (2) : 236.

¹² Lihat *al-Talāq* (65) : 10.

¹³ ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* (Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 2001) 4 : 224.

¹⁴ Rapoport, “Matrimonial Gifts”, 1.

¹⁵ Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya”, 323.

¹⁶ Ziba Mir-Hosseini, *Marriage on Trial: Islamic Family Law in Iran and Morocco* (London: I.B.Tauris, 2000), 80.

¹⁷ Muḥammad Tāhir ibn ‘Ashūr, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Qāhirah: Dār al-Salām, 2007), 11.

menunjukkan penghargaan dan kemuliaan kepada para wanita,¹⁸ pensyariatannya juga memberi manfaat dan peranan yang sangat signifikan kepada wanita.

Kewajipan mahar dalam perkahwinan disepakati para ulama,¹⁹ sebagaimana yang telah disyariatkan dalam al-Quran seperti mana yang berikut:

فَمَا أَسْتَمْتَعْمِ بِهِ مِنْهُنَّ فَأَنْوَهُنَّ أَجْوَهُرُكُ فَرِيْضَةً

Terjemahan: *Maka, isteri-isteri yang telah kamu nikmati (setubuh) dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maharnya (yang sempurna) sebagai suatu kewajipan.*

Al-Nisā' (4) : 24

Tidak dinafikan bahawa wujud perkaitan antara pemberian mahar dengan *istimtā'* (persetubuhan suami dan isteri). Ini kerana, Allah SWT memerintahkan kepada para suami yang telah mencampuri isteri mereka agar memberikan mahar sebagai satu pemberian yang wajib. Terdapat juga hadis²⁰ yang menceritakan bahawa Nabi Muhammad SAW melarang ‘Alī Bin Abī Ṭalib daripada menggauli isterinya, Fāṭimah sebelum menunaikan hak mahar Fāṭimah.²¹ Ditambah pula dengan sebahagian fuqaha yang menggambarkan mahar seolah-olah hanya sebagai imbalan dan upah kepada *istimtā'*, iaitu persetubuhan yang dinikmati oleh suami dan isteri.²² Ulama Hanafiyah mendefinisikan mahar sebagai sejumlah harta yang menjadi hak isteri kerana akad

¹⁸ Kumar, “Law of Dower”, 58.

¹⁹ Zaydān, *al-Mufaṣṣal*, 50.

²⁰ Lihat Hadis Riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī al-Rajul Yadkhul bi Imra’tihi Qabla an Yanqudahā Shay'an, no. hadis 2126. Hadis ini *Da’if* menurut Abū Dāwūd.

²¹ Muḥammad Abū Zuhrah, *al-Āḥwāl al-Shakhsīyyah* (Bayrūt: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1957), 170.

²² Pascale Fournier, *Muslim Marriage in Western Courts: Lost in Transplantation* (England: Ashgate Publishing, 2010), 16. Lihat juga al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 257.

perkahwinan atau terjadinya hubungan kelamin suami isteri. Ulama Mālikiyah pula mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menjadikan isteri halal untuk disetubuh, sementara ulama Shāfi‘iyah mendefinisikannya sebagai sesuatu yang wajib diberi disebabkan akad nikah atau persetubuhan. Ulama Ḥanābilah pula mendefinisikannya sebagai balasan daripada suatu perkahwinan, termasuk dengan sebab persetubuhan.²³ Definisi-definisi mahar yang dikemukakan tersebut tidak menggambarkan konsep dan objektif di sebalik pensyariatan mahar secara keseluruhannya, sebaliknya menunjukkan bahawa mahar masih diertikan dalam skop yang sempit. Ia bukan sahaja memberi implikasi terhadap status wanita dalam kehidupan berumahtangga, bahkan memberi kesan yang negatif²⁴ terhadap peranan mahar itu sendiri seolah-olah ia hanya sebagai bayaran untuk hubungan kelamin semata-mata seperti mana amalan dan tradisi masyarakat Jahiliyyah.

Islam mengiktiraf bahawa mahar merupakan hak eksklusif seorang isteri. Justeru, selagi mana hak mendapatkan mahar belum ditunaikan oleh suami seperti yang dijanjikan dan dipersetujui bersama, maka isteri berhak untuk menafikan hak dan tanggungjawabnya kepada suami.²⁵ Ini bermakna, isteri bukan sahaja berhak menahan diri daripada persetubuhan bersama suaminya,²⁶ malahan dalam konteks hak dan tanggungjawab rumah tangga yang lain,²⁷ seperti tanggungjawab mentaati suami atau menguruskan keperluan rumah tangga yang lain. Walau bagaimanapun, sekiranya mahar belum diberikan kepada isteri,

²³ Lihat al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 251.

²⁴ Ia memberi gambaran mahar seakan gantian harga diri, barang dagangan dan harga belian. Lihat Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya”, 315-316.

²⁵ Sābiq, al-Sayyid, *Fiqh al-Sunnah* (Qāhirah: Dār al-Fatḥ li al-I‘lām al-‘Arabī, 2000), 2 : 104. Lihat juga Rubya Mehdi, “Danish Law and The Practice of Mahr Among Muslim Pakistanis in Denmark”, *International Journal of The Sociology of Law* 31 (2003): 117.

²⁶ Zaydān, *al-Mufaṣṣal*, 85. Lihat juga Mat Saad Abd. Rahman, *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa* (Selangor: Intel Multimedia and Publication, 2007), 48.

²⁷ Flavia Agnes, “Economic Rights of Women In Islamic Law”, *Economic and Political Weekly* 31 (1996): 2833.

hubungan kelamin suami isteri tidaklah menjadi haram²⁸ atas keredaan dan pelepasan hak yang diberikan oleh isteri, kerana mahar tersebut akan menjadi hutang suami kelak. Sekiranya isteri diceraikan sebelum berlakunya persetubuhan, bekas isteri juga berhak mendapatkan separuh mahar sekiranya mahar disebutkan dan dijelaskan ketika akad.²⁹ Begitu juga sekiranya suami meninggal dunia sebelum berlaku persetubuhan, isteri juga berhak mendapatkan keseluruhan maharnya.³⁰ Keadaan-kedaan tersebut bukan sahaja menunjukkan bahawa pensyariatan mahar bertujuan memberi penghormatan dan maslahah kepada wanita, bahkan menunjukkan bahawa imbalan persetubuhan bukanlah menjadi objektif utama di sebalik pensyaritan mahar. Allah SWT berfirman:

وَإِنْ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمُ هُنَّ
فِرِيضَةً فِي صَفَرٍ مَا فَرَضْتُمُ إِلَّا أَنْ يَعْقُوبُنَّ أَوْ يَعْقُوْلُ الَّذِي
يَبِدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ وَأَنْ تَعْفُواْ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَلَا
تَنْسَوْا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Terjemahan: Sekiranya kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal sesungguhnya kamu telah menentukan maharnya, maka berilah separuh daripada mahar yang telah kamu tentukan itu, kecuali jika isteri-isterimu memaafkan atau dimaafkan oleh orang yang memegang ikatan nikah, dan kemaafan kamu itu lebih dekat kepada takwa. Dan janganlah kamu melupakan keutamaan antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala apa yang kamu kerjakan.

Al-Baqarah (2) : 237

²⁸ Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 104.

²⁹ Zaydān, *al-Muṣaṣṣal*, 104.

³⁰ *Ibid.*, 90.

Islam yang pada dasarnya tidak menetapkan sebarang kadar tetap sama ada minimum dan maksimum.³¹ Ini bagi membuktikan bahawa mahar bukanlah nilai dan harga kepada seorang wanita, bahkan menunjukkan Islam sangat memberi kemudahan kepada masyarakat dalam melaksanakan syariatnya. Apabila urusan mas kahwin dipermudahkan, maka ia sekali gus akan memudahkan bakal pengantin mendirikan rumahtangga.³² Terdapat beberapa saranan yang menyeru agar urusan mahar dipermudahkan antaranya dalam sebuah hadis:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ
أَتَرْضَى أَنْ أُزُوْجُكَ فُلَانَةً قَالَ نَعَمْ وَقَالَ لِلْمَرْأَةِ أَتَرْضِينَ أَنْ
أُزُوْجُكَ فُلَانًا قَالَتْ نَعَمْ فَرَوَّجَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَدَخَلَ بَهَا
الرَّجُلُ وَلَمْ يَفْرُضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ يُعْطِهَا شَيْئًا وَكَانَ مِنْ شَهِيدَ
الْحُدَيْبِيَّةِ وَكَانَ مِنْ شَهِيدَ الْحُدَيْبِيَّةِ لَهُ سَهْمٌ بِخَيْرٍ فَلَمَّا حَضَرَتِهِ
الْوَفَاءَ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَوْجِي فُلَانَةً وَلَمْ
أَفْرُضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ أَعْطِهَا شَيْئًا وَإِنِّي أَشْهِدُكُمْ أَنِّي أَعْطَيْتُهَا
مِنْ صَدَاقَهَا سَهْمِيَّ بِخَيْرٍ فَأَخَذَتْ سَهْمًا فَبَاعَتْهُ بِمِائَةِ أَلْفِ
قَالَ أَبُو دَاؤُودَ وَزَادَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ وَحْدَيْهُ أَتَمَّ فِي أَوَّلِ
الْحَدِيثِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ النَّكَاحِ
أَيْسَرُهُ .

Terjemahan: ‘Uqbah bin ‘Amir meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berkata kepada seorang lelaki: “Relakah engkau aku nikahkan dengan si fulanah?” Lelaki itu menjawab, “Ya”. Rasulullah berkata kepada si fulanah: “Relakah engkau aku nikahkan dengan

³¹ Muhammad ‘Alī al-Šābūnī, *Rawā’i ‘al-Bayān: Tafsīr Āyāt al-Ahkām ‘Ayn al-Qur’ān* (Qāhirah: Dār al-Šābūnī, 2007), 324

³² Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 256.

si fulan? Wanita itu menjawab: “Ya”. Si lelaki itu pun menggauli isterinya tanpa memberi mahar atau memberikan sesuatu kepadanya. Lelaki itu merupakan salah seorang pejuang Perang Ḥudaybiyyah. Pejuang Ḥudaybiyyah berhak mendapatkan bahagian dari tanah Khaybar. Ketika ajalnya hampir tiba, lelaki itu berkata, “Ketika Rasulullah menikahkanku dengan si fulanah, aku belum memberi mahar dan memberikan sesuatu kepadanya. Sekarang, saksikanlah bahawa aku akan memberikannya mahar iaitu bahagianku dari tanah Khaibar.” Setelah lelaki itu meninggal dunia, wanita itu mengambil bahagiannya dan menjualnya dengan harga 100.000 dirham. Salah seorang perawi hadis menambahkan di awal hadis bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sebaik-baik pernikahan adalah yang paling mudah (maharnya).”³³

Merujuk kepada maksud hadis tersebut, saranan memudahkan mahar tersebut bertujuan mengelakkan kadar mahar yang berlebihan hingga merumitkan urusan perkahwinan.³⁴ Tambahan pula mahar merupakan satu-satunya amalan pemberian perkahwinan masyarakat pada ketika itu.³⁵ Justeru, dalam mengaplikasikan saranan tersebut dalam masyarakat Muslim di Malaysia, memudahkan urusan perkahwinan bukan hanya terbatas kepada mahar sahaja tetapi juga harus melibatkan keseluruhan urusan perkahwinan seperti adat hantaran dan urusan kenduri perkahwinan keseluruhannya. Ini kerana, mahar di Malaysia berdasarkan kepada panduan kadar mahar masih dianggap rendah.³⁶ Sebaliknya, adat hantaran ekstrem mencecah belasan ribu ringgit yang dilihat menyebabkan pelbagai masalah sosial

³³ Hadis Riwayat Abū Dāwūd, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb fī Man Tazawwaj wa Lam Yusammā (Lahā) Ṣadāqan Ḥattā Māta, no. hadis 2117. Abū Dāwūd mengatakan bahawa hadis ini *Sahīh*.

³⁴ Shams al-Ḥaq al-‘Azīm, ‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 107.

³⁵ Shams al-Ḥaq, ‘Awn al-Ma’būd, 107. Lihat juga al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 256.

³⁶ Zainunnisa, “Mahar in Malaysia: The Law Revisited”, *Shariah Law Reports* (2007): 1.

dalam masyarakat³⁷ sehingga mendesak pasangan berhutang demi memenuhi tuntutan adat hantaran tersebut.³⁸ Amalan memberatkan pemberian perkahwinan sehingga menyulitkan urusan perkahwinan seperti inilah yang jelas tidak bertepatan dengan prinsip Islam dan akan menghilangkan keberkatan dalam perkahwinan.³⁹

OBJEKTIF SYARIAH DALAM PEMBERIAN MAHAR

Mahar digambarkan sebagai pemberian dengan harta yang banyak, sebagaimana disebutkan dalam al-Quran:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانٍ زَوْجٍ وَءَاتَيْتُمْ
إِحْدَى نِهَنَّ قِنْطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا

Terjemahan: *Dan jika kamu ingin menggantikan isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan seorang di antara mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun daripadanya.*

Al-Nisā' (4) : 20

Berdasarkan ayat tersebut, penggunaan lafaz (قِنْطَار) yang membawa maksud harta yang banyak⁴⁰ bukan sahaja menunjukkan bahawa mahar boleh diberikan dalam kadar yang tinggi, bahkan membuktikan bahawa mahar pada dasarnya merupakan pemberian yang berharga dan bernilai tinggi yang dapat memberi manfaat dan maslahah kepada wanita.⁴¹ Secara umumnya, tujuan pensyariatan sesuatu hukum adalah untuk

³⁷ Zainunnisa, "Mahar in Malaysia", 1.

³⁸ *Ibid.*, 1.

³⁹ Muṣṭafā al-Khin, al-Shaykh Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā al-Madhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1992), 88.

⁴⁰ Abū Ja‘far Muḥammad Ibn Jarīr al-Tabarī, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl Āyi al-Qur’ān* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 123.

⁴¹ Ghada G. Qaisi, "A Student Note: Religious Marriage Contracts: Judicial Enforcement of Mahr Agreements in American Courts", *Journal of Law and Religious Studies* 15 (2000): 70.

memberi kemaslahatan kepada manusia⁴² sama ada memberi manfaat atau menolak keburukan daripadanya.⁴³ Justeru, di antara hikmah pensyariatan mahar dalam Islam adalah untuk memberi hak pemilikan harta kepada wanita, memberi perlindungan sosio-ekonomi dan memberi kemuliaan kepada wanita.

1- Memberi hak pemilikan harta kepada wanita⁴⁴

Salah satu daripada usaha Islam dalam mengangkat kedudukan dan martabat wanita adalah dengan memberikannya hak dalam pemilikan dan pengurusan harta. Salah satu daripada hak pemilikan tersebut ialah dengan sebab perkahwinan, iaitu hak menerima, memiliki dan mengurus mahar. Pada zaman pra-Islam, wali atau penjaga tidak memberikan hak kepada wanita untuk menguruskan harta apatah lagi miliknya. Pensyariatan mahar telah menzahirkan prinsip dan sistem Islam yang adil dan telus berbanding amalan masyarakat zaman Jahiliyyah yang menafikan hak wanita dalam aspek pemilikan harta (mahar).⁴⁵ Dalam memastikan wanita mendapat manfaat daripada pensyariatan mahar, para fuqaha menegaskan bahawa mahar mestilah daripada *māl mutaqawwam*⁴⁶ iaitu harta yang bernilai, laku dan sesuatu yang boleh diambil manfaatnya oleh si pemilik seperti emas, perak, tanah dan seumpamanya.⁴⁷ Mereka bersepakat bahawa sekiranya mahar yang diberikan tidak bermanfaat, maka ia tidak diterima.⁴⁸

⁴² Mohammad Hashim Kamali, *An Introduction to Shariah* (Selangor: Ilmiah Publishers, 2006), 24.

⁴³ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Lubnān: Mu’assasah al-Risālah, 2006), 187.

⁴⁴ Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 102. Lihat juga Annelies Moors, “Women and Dower Property in Twentieth-Century Palestine: The Case of Jabal Neblus”, *Islamic Law and Society* 1 (1994): 301.

⁴⁵ Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito, *Islam, Gender & Social Change* (New York: Oxford University Press, 1998), 149.

⁴⁶ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 260.

⁴⁷ *Ibid.*, 257.

⁴⁸ ‘Abd Allāh bin Abd al-Rahmān al-Bassām, *Tawdīh al-Āḥkām min Bulūgh al-Marām*, ed. 5, (Makkah: Dār al-Asadi, 2003), 5: 257. Lihat juga Jamila Hussain, *Islam: Its Law and Society* (Sydney: The Federation Press, 2004), 83.

Pensyariatan mahar dalam al-Quran telah memberikan hak pemilikan mahar secara ekslusif kepada wanita⁴⁹ tanpa membenarkan sebarang campur tangan sama ada daripada suami, wali,⁵⁰ penjaga mahupun pemerintah bertujuan memberikan perlindungan dan sekuriti kepada wanita⁵¹ daripada aset yang diterima sebagai mahar. Sekali gus menunjukkan kelebihan pemberian mahar berbanding pemberian-pemberian perkahwinan yang lain⁵² seperti *dowry* mahupun *bride-price*.

Amalan *dowry* berasal daripada masyarakat Hindu berkasta tinggi di India.⁵³ Ia merupakan pemberian perkahwinan sama ada berupa wang tunai atau barang berharga daripada keluarga pengantin perempuan kepada keluarga pengantin lelaki.⁵⁴ Nilai *dowry* akan ditetapkan mengikut status sosio-ekonomi pengantin lelaki.⁵⁵ Apabila pihak wanita memberikan *dowry* yang tinggi dan ianya dipersetujui oleh pihak keluarga lelaki, maka wanita tersebut akan dipandang tinggi oleh ahli keluarga pengantin lelaki dan masyarakat sekitarnya.⁵⁶ Namun, jika yang berlaku adalah sebaliknya, berkemungkinan besar wanita tersebut akan dianiaya oleh keluarga pengantin lelaki selepas berkahwin.⁵⁷ Tambahan pula, jika keluarga suami tidak berpuas hati dengan jumlah yang diberikan, ia akan mengundang pelbagai masalah lain hingga boleh membawa kepada pembunuhan.⁵⁸ Fenomena yang dikenali

⁴⁹ Jamal al-Badawī, *The Status of Women in Islam* (Riyadh: International Islamic Publishing House, 1980), 21.

⁵⁰ Haifaa A. Jawad, *The Rights Of Women In Islam: An Authentic Approach* (Wiltshire: Antony Rowe Ltd. Chippenham, 1998), 35.

⁵¹ Agnes, "Economic Rights," 2835.

⁵² Richard Freeland (2001), "The Islamic Institution of Mahr and American Law", law.gonzaga.edu, diakses pada 31 Oktober 2011, <http://www.law.gonzaga.edu/files/GJIL-Vol4-IslamicInstitution.pdf>

⁵³ Veena Talwar Oldenburg, *Dowry Murder: The Imperial Origins of a Cultural Crime* (Oxford University Press, 2002), 30.

⁵⁴ Mohd Umar, *Bride Burning in India: A Socio Legal Study* (New Delhi: A.P.H. Publishing Corporation, 1998), 68.

⁵⁵ Prabhat Chandra Tripathy, *Contemporary Social Problems and the Law* (New Delhi: A.P.H. Publishing, 2000), 17.

⁵⁶ Tesfa G. Gebremedhin, *Women, Tradition and Development: A Case Study of Eritrea* (United States: The Red Sea Press, 2002), 38.

⁵⁷ Tripathy, *Contemporary Social Problems*, 17.

⁵⁸ Oldenburg, *Dowry Murder*, 5.

sebagai ‘*dowry-death*’ tersebut berlaku akibat daripada kegagalan wanita membayar *dowry* yang dipersetujui kepada pihak pengantin lelaki.⁵⁹ Wanita yang menjadi mangsa pembunuhan (*dowry-death*) selalunya dilaporkan sebagai mangsa kemalangan atau dilaporkan sebagai membunuh diri.⁶⁰ Pemberian *dowry* yang kebiasaannya ditetapkan dengan nilai yang sangat tinggi dan didasarkan atas kepentingan individu dan budaya semata-mata bukan sahaja mengakibatkan pelbagai *maf sadah* dalam masyarakat, malah turut mengakibatkan ramai wanita di India tidak berkahwin kerana tidak mampu untuk menyediakan *dowry* tersebut.⁶¹

Bride-price pula adalah bayaran perkahwinan berupa wang atau barang-barang daripada pengantin lelaki dan keluarganya kepada keluarga pengantin perempuan.⁶² Pembayaran tersebut dianggap sebagai sumber keuntungan⁶³ dan sumber kekayaan⁶⁴ kepada ahli keluarga pengantin perempuan. Kebiasaannya, ia diberikan dengan nilai yang tinggi seperti berlian, emas, tanah dan sebagainya.⁶⁵ Kadar yang ditetapkan pula kebiasaannya lebih tinggi daripada jumlah gaji tahunan pengantin lelaki.⁶⁶

Dalam menetapkan kadar *bride-price*, status dan taraf sosio-ekonomi wanita dalam pelbagai aspek seperti tahap pendidikan, status keluarga dalam masyarakat akan diambil kira. Sekiranya

⁵⁹ Taisha Abraham, *Women and The Politics of Violence* (New Delhi: Har-Anand Publications, 2002), 273.

⁶⁰ Tripathy, *Contemporary Social Problems*, 17.

⁶¹ Gebremedhin, *Women Tradition*, 38.

⁶² Michele Tertilt, “The Economics Of Brideprice and Dowry: A Marriage Market Analysis”, diakses pada 11 November 2011, <http://www2.wiwi.hu-berlin.d institute/wpol/html/.../bag/.../tertilt.pdf>

⁶³ Jack Goody and Stanley Jeyaraja Tambiah, “Bridewealth and Dowry”, *Cambridge Papers in Social Anthropology*, Vol. 7 (1973): 69.

⁶⁴ Junius P. Rodriguez, *Slavery in the Modern World: A History of Political, Social, and Economic Oppression* (California: ABC-CLIO, LLC, 2011), 146-147.

⁶⁵ Tertilt, “The Economics of Brideprice”.

⁶⁶ H. S. Shylendra and Uma Rani, *Diversification and Sustainable Rural Livelihood: A Study in Semi-Arid Villages of Western India* (India: Concept Publishing Company, 2005), 91.

wanita tersebut masih dara, maka nilainya akan semakin tinggi.⁶⁷ Walaupun pemberian yang disebut sebagai *gift of the virgin daughter*⁶⁸ ini diberikan dengan kadar yang tinggi, namun ia tetap dilihat sebagai pemberian yang menjatuhkan martabat wanita kerana ia dianggap sebagai harga dan bayaran pembelian seorang wanita.⁶⁹ *Bride-price* juga tidak dapat berfungsi sebagai jaminan sosio-ekonomi dan tidak mengiktiraf hak wanita kerana aset tersebut tidak dimiliki oleh isteri, sebaliknya diberikan kepada ahli keluarga wanita tersebut.⁷⁰

Apa yang jelas membezakan mahar dengan pemberian-pemberian tersebut adalah dalam konteks hak pemilikannya. Pada dasarnya, mahar akan menjadi hak milik isteri, sebaliknya bayaran *dowry* dan *bride-price* tidak dimiliki oleh isteri. Pemberian-pemberian tersebut juga dianggap sebagai bayaran perkahwinan, berbeza dengan pensyariatan mahar yang bertujuan melindungi wanita dengan memberikan aset yang berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi kepada mereka. Sistem mahar dalam Islam juga bersifat mudah dan tidak bersifat rigid dalam aspek penentuan kadarnya. Ini kerana, bagi mereka yang tidak berkemampuan, mahar boleh ditangguhkan atas keredhaan dan persetujuan kedua belah pihak, berbeza dengan pemberian *dowry* misalnya yang mewajibkan wanita memberi *dowry* mengikut kehendak mutlak keluarga pengantin lelaki, tanpa perlunya keredhaan dan persetujuan daripada pengantin wanita tersebut.

Begini juga dengan adat hantaran dalam masyarakat Melayu di Malaysia yang dilihat semakin melampau sehingga masyarakat terpaksa untuk membelanjakan wang mencecah puluhan ribu ringgit semata-mata untuk memenuhi tuntutan hantaran hingga membebankan urusan perkahwinan. Sekalipun Islam tidak menghalang pengamalan adat setempat, namun pada masa yang sama Islam juga mementingkan agar urusan perkahwinan diper mudahkan bukan sahaja dalam urusan mahar

⁶⁷ Judith Romney Wegner, *Chattel Or Person?: The Status of Women in the Mishnah*, Vol. 29 (United Kingdom: Oxford University Press, 1992), 21.

⁶⁸ Goody and Tambiah, “Bridewealth”, 69.

⁶⁹ *Ibid.*, 69.

⁷⁰ Rodriguez, *Slavery in the Modern World*, 146.

tapi merangkumi segala urusan perkahwinan termasuklah amalan pemberian perkahwinan seperti hantaran.

2. Memberi perlindungan sosio-ekonomi kepada wanita

Islam mengiktiraf mahar bukan sahaja sebagai lambang kasih sayang,⁷¹ bahkan sebagai pelindung kepada wanita dalam rumahtangga⁷² kerana ia juga berpotensi mengelakkan berlakunya perceraian dengan mudah.⁷³ Dicatatkan dalam kebanyakan kes wanita di Eropah yang meminta mahar yang tinggi adalah bertujuan sebagai jalan untuk menghalang perceraian berlaku dengan mudah.⁷⁴ Mahar yang kebiasaannya diterima dalam nilai yang tinggi⁷⁵ seperti sebuah kereta dan wang 20.000 U.S.D.⁷⁶ dan dalam keadaan bertangguh dilihat berperanan sebagai pelindung kepada hubungan rumahtangga.⁷⁷ Ini kerana, suami tidak sewenang-wenangnya memperlakukan isterinya atau menceraikannya dengan mudah⁷⁸ kerana sekiranya terjadinya perceraian, suami terpaksa menyerahkan keseluruhan mahar kepada isterinya yang kebiasaannya dalam jumlah dan kadar yang tinggi.⁷⁹

Mahar adalah nafkah awal berbentuk material sebelum nafkah rutin berikutnya yang dipertanggungjawabkan ke atas suami. Ia juga adalah jaminan atas perpindahan tanggungjawab seorang wanita daripada ayahnya kepada seorang lelaki yang telah menjadi suaminya. Secara tidak langsung, mahar merupakan aset yang berpotensi sebagai satu bentuk perlindungan awal dan sekuriti

⁷¹ Henry, “Dower and Social Class”, 527. Lihat juga Kumar, “Law of Dower”, 61.

⁷² Agnes, “Economic Rights,” 2835.

⁷³ Fournier, *Muslim Marriagem*, 21. Dicatatkan dalam kebanyakan kes di mana wanita meminta mahar yang tinggi bertujuan sebagai jalan untuk menghalang perceraian berlaku dengan mudah. Lihat selanjutnya dalam Richard Moon, *Law and Religious Pluralism in Canada* (Canada: UBC Press, 2008), 148.

⁷⁴ Richard Moon, *Law and Religious Pluralism*, 148.

⁷⁵ Hussain, *Islam: Its Law*, 83.

⁷⁶ Lynn Welchman, *Women's Rights and Islamic Family Law: Perspectives on Reform* (London: Zed Books, 2004), 189.

⁷⁷ Kumar, “Law of Dower”, 61.

⁷⁸ Mehdi, “Danish Law”, 120.

⁷⁹ Henry, “Dower and Social Class”, 529.

ekonomi wanita.⁸⁰ Dengan pemilikan mahar yang bernilai tinggi, wanita akan merasa terjamin untuk meneruskan kehidupannya terutamanya apabila berlaku kejadian yang tidak diduga seperti kematian suami atau berlakunya perceraian. Tambahan pula, tidak semua wanita memiliki kemampuan dan kemandirian ekonomi. Dengan pemilikan mahar yang produktif, ia bukan sahaja berpotensi sebagai satu bentuk jaminan sosio-ekonomi di tempat baharu, bahkan boleh dijadikan modal perniagaan atau dilaburkan⁸¹ ke mana-mana institusi kewangan untuk tujuan perniagaan dan sebagainya. Hal ini dilihat sekali gus berpotensi meningkatkan status sosio-ekonomi wanita sama ada dalam kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan atau tidak.

3. Memberi kemuliaan kepada wanita

Pensyariatan mahar juga menjadi bukti Islam sangat memuliakan wanita.⁸² Perletakan tanggungjawab memberikan mahar hanya kepada lelaki menunjukkan keadilan dan keprihatinan Islam dalam memuliakan wanita. Falsafah ini telah membezakan pemberian mahar dengan pemberian dan bayaran perkahwinan yang lain seperti *dowry* yang dilihat mendiskriminasi kaum wanita dengan mewajibkan mereka menyediakan wang dan mengorbankan hartanya semata-mata untuk dikahwini.⁸³

Pensyariatan mahar juga telah menolak diskriminasi ke atas kaum wanita. Malah, kedudukan wanita sejak kedatangan Islam lebih terjamin berbanding status dan kedudukan wanita ketika zaman Jahiliyyah. Melihat kepada amalan masyarakat Jahiliyyah, mahar hanya dianggap sebagai harga kepada wanita semata-mata.⁸⁴ Sementara wanita dianggap sebagai aset dan sumber kekayaan keluarga. Ini kerana, apabila seorang anak perempuan dilahirkan, masyarakat sekelilingnya akan mengucapkan tahniah kepada ayah si bayi dengan mengatakan, “selamat, semoga ia menjadi sumber

⁸⁰ Agnes, “Economic Rights”, 2833.

⁸¹ Yvonne Yazbeck Haddad and John L. Esposito, *Daughters of Abraham: Feminist Thought in Judaism, Christianity and Islam* (United States of America: University Press of Florida, 2001), 131.

⁸² Fournier, *Muslim Marriage*, 16.

⁸³ Mohd Umar, *Bride Burning in India*, 68.

⁸⁴ Rapoport, “Matrimonial Gifts”, 1.

kekayaan untukmu.”⁸⁵ Hal ini adalah satu petanda bahawa ayahnya akan mendapat kekayaan ketika mengahwinkannya dengan orang lain, kerana mahar yang diterima akan menjadi hak milik ayahnya.⁸⁶ Mereka menganggap bayaran perkahwinan tersebut sebagai upah dan kos membesarkan wanita,⁸⁷ seperti dalam konsep *bride-price*. Pensyariatan mahar bukan sahaja melambangkan penghormatan,⁸⁸ bahkan bertujuan memberi kegembiraan dan membahagiakan hati isteri agar merasa dihargai,⁸⁹ dimuliakan dan bersedia untuk menjalani kehidupan bersama suami. Secara tidak langsung, ia menzhirkan kasih sayang⁹⁰ suami terhadap isteri kerana mahar adalah *nīḥlah*, iaitu pemberian, hadiah mahupun hibah. Bukannya sebagai bayaran kepada wanita seperti mana amalan masyarakat Jahiliyyah. Firman Allah SWT:

وَأَنُوا النِّسَاءَ صَدْقَتِينَ نَحْنَ هُنَّ بِهَا مُحْكَمُونَ

Terjemahan: *Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan (yang kamu nikahi) itu mas kahwin mereka sebagai pemberian dengan penuh kerelaan.*⁹¹

Al-Nisā' (4) : 4

⁸⁵ Murtahhari, *The Rights of Women*, 204.

⁸⁶ *Ibid.*, 204.

⁸⁷ *Ibid.*, 204.

⁸⁸ *Ibid.*, 210. Lihat juga Kumar, “Law of Dower”, 4.

⁸⁹ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 257.

⁹⁰ Henry, “Dower and Social Class”, 527. Lihat juga Kumar, “Law of Dower”, 61.

⁹¹ Pemberian dengan senang hati dan penuh kerelaan. Sesetengah ulama menafsirkannya dengan erti kewajipan. Maksudnya, “Berikanlah kepada wanita yang kamu nikahi itu mas kahwin sebagai satu kewajipan yang ditetapkan Allah.” Ismā‘il Ibn ‘Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz: Tafsīr Ibn Kathīr* (Qāhirah: Maktabah Awlād al-Shaykh li al-Turāth, t. t.), 348. Lihat juga Zulkifli Mohd Yusoff, *Tafsir: Ayat Ahkam: Huraian Hukum-hakam Dalam Al-Quran* (Selangor: PTS Darul Furqan, 2011), 102.

KESIMPULAN

Islam bukan sahaja telah menyediakan sistem terbaik terhadap pelaksanaan syariat mahar bahkan pensyariatannya mengandungi pelbagai hikmah dan manfaat berbanding amalan-amalan pemberian perkahwinan masyarakat dan agama yang lain yang berteraskan adat serta kepentingan tertentu semata-mata. Objektif pensyaratian mahar tersebut jelas menzahirkan prinsip Islam yang murni berbeza dengan amalan pada zaman Jahiliyyah yang tidak mengiktiraf hak-hak wanita malah meletakkan wanita pada kedudukan yang rendah dalam masyarakat. Justeru, mahar yang disyariatkan oleh Islam merupakan satu sistem yang lengkap dan sempurna berasaskan prinsip keadilan dan kemaslahatan demi meningkatkan status wanita dan melindungi mereka dari terus didiskriminasi serta dinafikan haknya.

BIBLIOGRAFI

- Abū Zuhrah, Muḥammad. *Al-Aḥwāl al-Shakhṣīyyah*. Bayrūt: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1957.
- Agnes, Flavia. “Economic Rights of Women In Islamic Law”. *Economic and Political Weekly* 31 (1996): 2832-2838.
- Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān. *Al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Lubnan: Dār Ibn Ḥazm, 2001.
- Al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī. *Rawā'i' al-Bayān: Tafsīr Āyāt al-Āhkām 'Ayn al-Qur'ān*. Qāhirah: Dār al-Ṣābūnī, 2007.
- Al-Sarakhsī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad. *Al-Mabsūt*. Bayrūt, Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 1978.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damshiq: Dār al-Fikr, 1989.
- Engineer, Ashgar Ali. *The Rights of Women in Islam*. 3rd Edition. New Delhi: Sterling Publishers Private Limited, 2008.
- Fournier, Pascale. *Muslim Marriage in Western Courts: Lost in Transplantation*. England: Ashgate Publishing, 2010.

- Glassé, Cyril and Huston, Smith. *The New Encyclopedia of Islam*. Walnut Creek, CA: AltaMira Press, 2001.
- Hussain, Jamila. *Islam: Its Law and Society*. Sydney: The Federation Press, 2004.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭahir al-Misawī. *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: Dār al-Salām, 2007.
- Ibn Kathīr, Ismā‘il Ibn ‘Umar Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Qāhirah: Mu’assasah Qurṭubah, t.t.
- Jamal al-Badawī. *The Status of Women in Islam*. Riyadh: International Islamic Publishing House, 1980.
- Jawad, Haifaa A. *The Rights of Women on Islam: An Authentic Approach*. Wiltshire: Antony Rowe Ltd. Chippenham, 1998.
- Korson, J. Henry. “Dower and Social Class in an Urban Muslim Community”. *Journal of Marriage and Familly* 29 (1967): 527-533.
- Kumar, Rakesh. “Law of Dower (Mahr) in India”. *Journal of Islamic Law and Culture* 12 (2010): 58-73.
- Mehdi, Rubya. “Danish Law and The Practice of Mahr Among Muslim Pakistanis in Denmark”. *International Journal of The Sociology of Law* 31 (2003): 115-129.
- Moors, Annelies. “Women and Dower Property in Twentieth-Century Palestine: The Case of Jabal Neblus”. *Islamic Law and Society* 1 (1994): 301-331.
- Mutahhari, Murtada. *The Rights of Women in Islam*. Tehran: World Organization for Islamic Services, 1980.
- Qaisi, Ghada G. “A Student Note : Religious Marriage Contracts: Judicial Enforcement of Mahr Agreements in American Courts”. *Journal of Law and Religion* 15 (2000): 67-81.
- Raihanah Azahari *et al.*, “Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dengan Penentuan Kadar Hantaran”. *Jurnal Fiqh* 6. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (2009): 107-124.

- Rapoport, Yossef. "Matrimonial Gifts In Early Islamic Egypt". *Islamic Law and Society* 7. Brill Publishing (2000): 1-36.
- Tripathy, Prabhat Chandra. *Contemporary Social Problems and The Law*. New Delhi: APH Publishing, 2000.
- Zainunnisa Abdul Rahman. "Mahar in Malaysia: The Law Revisited". *Shariah Law Reports* (2007): 1-18.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm. *Al-Muṣaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fī as-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Jilid ke-7. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1993.
- Ziba Mir-Hosseini. *Marriage on Trial: Islamic Family Law in Iran and Morocco Compared*. London: I.B. Tauris & Co. Ltd., 1993.
- Zulkifli Mohd Yusoff. *Tafsir: Ayat Ahkam: Huraian Hukum-hakam Dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Darul Furqan, 2011.

Rujukan Internet

- Michele Tertilt. "The Economics Of Brideprice and Dowry: A Marriage Market Analysis". Diakses 11 November 2011. <http://www2.wiwi.hu-berlin.d institute/wpol/html/...bag/.../tertilt.pdf>
- Richard Freeland. "The Islamic Institution of Mahr and American Law". Diakses 31 Oktober 2011. www.law.gonzaga.edu/files/GJIL-Vol4-IslamicInstitution.pdf